



PEMBINAAN BAKAT PENULISAN KREATIF MELALUI KURSUS MICRO-CREDENTIAL 'MENJADI CERPENIS PROLIFIK'

ABSTRAK

Memasuki era digital kini, ruang penerbitan karya kreatif seperti cerpen tidak lagi terhad kepada ruangan bercetak sahaja tetapi juga secara elektronik. Ruang elektronik ini menuntut lebih ramai bakat penulisan kreatif kerana kandungannya yang dikemaskini hampir setiap hari. Bertepatan dengan itu, kursus Micro-Credential 'Menjadi Cerpenis Prolifik' dibangunkan dengan matlamat utama, iaitu pembinaan bakat penulisan kreatif berkualiti tinggi dalam genre cerpen yang lebih ramai. Secara umumnya, kursus tersebut bertujuan mendedahkan pelajar kepada asas-asas penulisan kreatif genre cerpen, yang pelajar didedahkan kepada hal-hal berkaitan persediaan sebagai penulis dan penerbitan. Malah, latihan dalam penulisan cerpen juga diberikan. Di akhir kursus, pelajar dapat mempamerkan kemahiran menulis cerpen berkualiti yang memenuhi kriteria penerbitan tempatan. Kursus ini terbahagi kepada tiga topik utama, iaitu Topik 1 Proses Kreatif (4 modul), Topik 2 Perancangan Penulisan Cerpen (3 modul) dan Topik 3 Penulisan dan Penerbitan Cerpen (1 modul). Kesemua lapan modul dalam topik-topik ini adalah disampaikan menggunakan video interaktif sepenuhnya yang dibangunkan sendiri menggunakan aplikasi Powtoon, Canva, Genially dan Lumen 5. Penggunaan aplikasi-aplikasi ini menjadikan video-video yang dihasilkan tampak lebih menarik dan sesuai dengan pembelajaran secara *open distance learning* yang diterapkan dalam Micro-Credential. Selain itu, di setiap modul pelbagai latihan diberikan kepada pelajar agar bakat penulisan kreatif genre cerpen dapat dibentuk. Di akhir kursus, bagi pelajar yang berjaya menyelesaikan kesemua modul, akan diberikan sijil.

OBJEKTIF

Objektif pembangunan kursus ini adalah bagi melahirkan lebih ramai bakat kreatif berkualiti tinggi dalam penulisan kreatif genre cerpen. Pelajar di akhir kursus ini dapat menghasilkan cerpen bagi penerbitan secara bercetak dan digital mengikut piawaian syarikat penerbitan tempatan. Dalam jangka masa panjang, pelajar yang terlibat dalam kursus ini dapat menjana pendapatan melalui bakat penulisan kreatif yang telah dibentuk melalui kursus yang diambil.



NILAI TAMBAH

Berbeza dengan kursus penulisan kreatif secara konvensional, kursus dalam bentuk Micro-Credential ini mendatangkan nilai tambah dengan penggunaan video yang interaktif yang padat dengan ilmu berkaitan penulisan kreatif genre cerpen. Video-video ini dihasilkan dengan grafik-grafik yang menarik. Selain itu, latihan yang dihasilkan juga dalam bentuk interaktif dalam memastikan pelajar tidak bosan.



KEBOLEHGUNAAN

Kursus MC ini boleh digunakan oleh kesemua peringkat umur dari sekolah menengah hingga dewasa. Penyusunan modul dalam kursus ini adalah teratur dan berfokus yang membuatkan mudah untuk para pelajar menavigasi dari satu halaman ke halaman yang lain. Pelbagai latihan dalam bentuk aktiviti interaktif juga disediakan kepada pelajar agar fokus kepada kursus.




POTENSI KOMERSIAL

Kursus ini mempunyai nilai komersial dalam menarik kerjasama dengan syarikat-syarikat penerbitan tempatan. Kursus ini juga boleh digunakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam melahirkan ramai bakat penulisan kreatif dalam kalangan pelajar sekolah dan universiti.



PENGIKTIRAFAN

Kursus ini dalam perancangan digunakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi bengkel-bengkel penulisan kreatif yang dijalankan di seluruh Malaysia. Setiap peserta bakal diwajibkan mengambil kursus ini. Perbincangan telah dilakukan bersama pihak Dewan Bahasa dan Pustaka.



Dr. Mohamed Nazreen
Shahul Hamid
PPPJJ USM



Dr. Jacqueline
Karimon
PPPJJ USM



Dr. Darwalis
Sazan
PPPJJ USM